



كمنترين فنديديقن
نكارا بروني دارالسلام
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

INSIDEN KERACUNAN MAKANAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

*"KESIHATAN DAN KESELAMATAN
ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA"*



BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN,
KAWALAN KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSSE)
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN





**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
KERACUNAN MAKANAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN
SELURUH NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

Disediakan oleh : Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE)
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan



JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KERACUNAN MAKANAN

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN



Ambulan (Paramedik)

991



Pasukan Polis Diraja Brunei

993



Pasukan Bomba dan
Penyelamat

995



Talian Darussalam

123

Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama

2330080

Bahagian Kawalan Penyakit,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan,
Kementerian Pendidikan

2381640

Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan
Makanan, Kementerian Kesihatan

2331109

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

2381133

Jabatan Sekolah-Sekolah

2230511

Bahagian HSSE

2235578 / 7250999

Unit Perhubungan Awam

2381301

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP): KERACUNAN MAKANAN

ISI KANDUNGAN:

| | |
|---|----|
| 1. TUJUAN | 5 |
| 2. FASA SEBELUM INSIDEN | 5 |
| i. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN | 5 |
| ii. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH | 6 |
| iii. PERANAN PENGENDALI MAKANAN | 6 |
| iv. PERANAN SEKOLAH | 7 |
| 3. FASA JIKA TERJADI INSIDEN | 8 |
| 4. FASA SELEPAS TERJADI INSIDEN | 11 |
| 5. CARTA ALIRAN : FASA JIKA TERJADI INSIDEN KERACUNAN MAKANAN | 13 |

KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan

Ketua

Yang Mulia Pengiran Nazrul Arif bin Pengiran Dato Paduka Haji Mohd Zain
*Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Setiausaha

Yang Mulia Dayangku Amalina binti Pengiran Haji Kamaludin
*Ketua Unit Kesihatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dayang Nur Amalina binti Haji Sidik
*Unit Kesihatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Dayang Surayati binti Haji Abdul Samat
*Unit Kesihatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

Yang Mulia Dayang Hanna Diyana Khairunnisa binti Borhanudin
*Unit Pengurusan Strategik, Bahagian Pengurusan dan Perkembangan
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan*

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan guru-guru, pelajar-pelajar dan warga sekolah sentiasa diambil perhatian dengan:-

- 1.1 Menyediakan garis panduan tindakan yang perlu diambil jika berlaku keracunan makanan;
- 1.2 Memupuk kesedaran kesiapsiagaan di kalangan warga sekolah jika berlaku insiden keracunan makanan, dan;
- 1.3 Memastikan aspek kesihatan, keselamatan, kawalan keselamatan dan persekitaran warga sekolah sentiasa terjamin dan terkawal selepas kejadian tersebut.

2. FASA SEBELUM KEJADIAN KERACUNAN MAKANAN

Beberapa tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan-Jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan untuk memastikan risiko kejadian keracunan makanan boleh dielakkan.

2.1. Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama

- i. Selaku pelaksana dan pemegang dasar bagi skim-skim Rancangan Permakanan Sekolah dan Asrama (RPS) dan kantin-kantin, perlu menyediakan garis panduan yang berkenaan bagi pemborong/pengendali makanan termasuk kantin sekolah/pejabat;
- ii. Memastikan setiap pemborong/pengendali makanan dan pihak sekolah mengetahui tatacara pengendalian makanan yang betul dan selamat contohnya melalui taklimat keselamatan makanan dan mematuhi buku garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan;
- iii. Mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah/maktab-maktab untuk memastikan pelaksanaan Skim RPS dan perkhidmatan kantin mematuhi piawaian yang telah ditetapkan bagi memenuhi jaminan kualiti (*quality assurance*) terhadap keselamatan komiti Kementerian Pendidikan dan seterusnya bagi memastikan setiap peraturan dan garis panduan lain yang telah ditetapkan sentiasa dipatuhi;

- iv. Menyediakan laporan dan seterusnya menyalurkan penemuan daripada hasil lawatan tersebut ke agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk tindakan yang bersesuaian mengenainya;
- v. Menjadi *focal agency* bagi Kementerian Pendidikan dalam membuat penyelarasan dan pengurusan dengan pihak Kementerian Kesihatan ataupun agensi luar berkaitan dengan hal ehwal keselamatan permakanan sekolah/asrama;
- vi. Melaksanakan penilaian risiko (*risk assessment*) ke atas produk-produk makanan/minuman yang dibekalkan di bawah Skim RPS dan penjualan di kantin sekolah/maktab/vokasional, dan;
- vii. Memastikan Tukang Masak-Tukang Masak, Pengusaha dan Pekerja Kantin mempunyai sijil pemeriksaan kesihatan yang sah dan diperbaharui seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE)

- i. Mengadakan lawatan dan taklimat pemberigaan atau sosialisasi kepada sekolah-sekolah/maktab-maktab bagi menekankan kepentingan pengurusan keselamatan dan kesihatan bagi warga sekolah, dan;
- ii. Mengadakan latihan yang diiktiraf seperti Kursus *Basic Food Hygiene* sebagai satu langkah proaktif daripada Kementerian Pendidikan bagi menyampaikan maklumat mengenai tatacara pengendalian permakanan yang selamat dan betul kepada tukang masak-tukang masak di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

2.2. Peranan Unit Pendidikan Kesihatan, Jabatan Sekolah-Sekolah:

- i. Mengadakan lawatan secara berkala bagi memastikan kawalan keselamatan pembekalan dan penjualan makanan dan minuman kantin-kantin sekolah terjamin;
- ii. Menghadapkan laporan hasil lawatan kepada pihak Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama bagi tujuan penambahbaikan ataupun tindakan selanjutnya, dan;
- iii. Membantu dan mendokong inisiatif sekolah dalam memastikan kesihatan dan keselamatan warga sekolah sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa.

2.3. Peranan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet:

- i. Membuat pemeriksaan terutamanya dalam aspek bangunan dan kawasan dapur/kantin termasuk pintu, atap, siling, jendela, cermin, struktur bangunan dan sebagainya untuk dibaiki/diganti, jika infrastruktur tersebut menunjukkan sebarang kerosakan;
- ii. Menggantikan dengan segera perkara yang berkaitan dengan pembaikan bangunan yang dipohonkan oleh pihak sekolah;
- iii. Sentiasa berurusan dengan sekolah yang berkenaan mengenai aspek keselamatan bangunan;
- iv. Meneliti kemudahan-kemudahan yang perlu diganti atau diberikan kepada sekolah.

2.4. Peranan Sekolah

- i. Pengetua/Guru Besar dan Guru Pengawas Permakanan hendaklah mengetahui Garis Pandu Skim Rancangan Permakanan Sekolah dan Garis Pandu Makanan dan Minuman Kantin Sekolah yang disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Kementerian Pendidikan dan Bahagian Perkhidmatan Masyarakat, Kementerian Kesihatan;
- ii. Memastikan pemborong/pengendali makanan termasuk pengusaha kantin mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan;
- iii. Memastikan pemborong/pengendali makanan sentiasa menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan warga sekolah sepanjang penyediaan makanan;
- iv. Sentiasa membuat lawatan ke dapur, kelas-kelas/dewan makan dan kantin untuk memastikan tatacara pengendalian, penyimpanan dan pengagihan makanan yang selamat dan bersih sentiasa diamalkan;
- v. Menjaga hubungan dan menjalinkan silaturahim yang ukhwah di antara pihak sekolah dan pemborong/pengendali makanan termasuk pengusaha kantin bagi memastikan tiada salah faham terjadi sepanjang tempoh kontrak pembekalan/perkhidmatan;
- vi. Membuat permohonan ke Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk sebarang pembaikan;

- vii. Mengenalpasti dan menyimpan rekod kesihatan guru-guru dan penuntut-penuntut tentang penyakit alergi dan sebagainya;
- viii. Mengenalpasti tempat makan yang kondusif untuk pelajar-pelajar bagi mengurangkan risiko pencemaran luar di sepanjang proses penyediaan makanan.

3. FASA JIKA TERJADI INSIDEN: TATACARA MENANGANI KEJADIAN KERACUNAN MAKANAN

Pihak Sekolah

- 3.1 Kes keracunan makanan didefinisikan sebagai *outbreak* atau kejadian dimana sekurang-kurangnya dua (2) pelajar menunjukkan simptom-simptom keracunan makanan setelah mengambil makanan/minuman yang sama;
- 3.2 Pengetua/Guru Besar atau Guru Pengawas Makanan / Penyelia Asrama perlu menyelidiki punca kejadian, membuat rekod mengenai kronologi kejadian dan mengambil sampel-sampel minuman/makanan yang dimakan oleh pelajar berkenaan dan seterusnya menyerahkan sampel-sampel tersebut kepada pihak Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan;

Selain sampel makanan yang dibekalkan oleh pembekal sekolah, makanan yang dijual dikantin pada hari insiden keracunan makanan (jika masih ada) hendaklah juga disampel bagi ujian makmal;

Pihak sekolah mestilah memastikan sampel-sampel makanan disimpan dengan baik di dalam peti sejuk. Sampel tersebut tidak boleh bercampur dengan makanan yang lain bagi mengelakkan atau meminimalkan risiko pencemaran ke atas sampel makanan tersebut, dan;



- 3.3 Mengenalpasti bilangan pelajar yang terlibat dan menempatkan mereka di bilik *sick bay* bagi menunggu tindakan selanjutnya (tertakluk kepada tahap keracunan keadaan pelajar terlibat) bagi tujuan pengasingan dan pemantauan;
 - a) Tindakan bagi tahap keracunan pelajar yang terlibat adalah teruk/outbreak

Pengetua atau Guru Besar hendaklah memaklumkan dan menghubungi:-

- i. Ambulans;
- ii. Ibu Bapa pelajar yang terlibat;
- iii. Jabatan Sekolah-Sekolah;
- iv. Bahagian Kawalan Penyakit, Jabatan Pentadbiran Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan;
- v. Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan;
- vi. Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan;
- vii. Unit Perhubungan Awam, dan;
- viii. Polis jika perlu (bagi mengawal media dan sebagainya).



Pengetua atau Guru Besar akan mengarahkan warga sekolah supaya ;-

- i. Tidak panik dan bersikap tenang;
 - ii. Mengumpul dan mengasingkan pelajar yang terlibat ke dalam *sick bay*;
 - iii. Memberikan penerangan yang jelas, padat dan ringkas kepada ibu-bapa/penjaga, dan;
 - iv. Mengarahkan *first aider* sekolah bagi membantu pelajar terlibat sebelum bantuan Ambulans/hospital tiba.
- b) Tahap keracunan yang rendah dan terkawal
- i. Pihak sekolah memantau perkembangan kesihatan pelajar tersebut dan memaklumkan ibu bapa pelajar berkenaan mengenai keadaannya, dan;
 - ii. Adalah disarankan bagi ibu bapa untuk membawa pelajar berkenaan ke klinik pusat kesihatan yang berdekatan atau berehat di rumah.

Jabatan Sekolah-Sekolah

- 3.4 Pengarah Sekolah-Sekolah melalui ketua kluster akan memaklumkan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) secara ringkas mengenai kejadian tersebut;

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan


- 3.5 Bahagian HSSE dan Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama akan membuat lawatan ke sekolah berkenaan bagi menyiasat insiden ini;

- 3.6 Bahagian HSSE dan Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama akan memaklumkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan mengenai dengan kejadian keracunan makanan tersebut;
- 3.7 Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan seterusnya akan memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan;
- 3.8 Memberhentikan dengan serta merta pembekalan makanan/minuman yang disyaki punca keracunan makanan sama ada daripada Skim RPS atau penjualan kantin secara sementara sehingga siasatan selesai dijalankan dan tertakluk kepada hasil perbincangan di antara Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan dan Pejabat Daerah atau Lembaga Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan;
- 3.9 Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan makanan secara *outsource* kepada penuntut-penuntut berkenaan sekiranya perkhidmatan Skim RPS diberhentikan secara sementara atas saranan daripada Kementerian Kesihatan sehingga dapur berkenaan beroperasi seperti biasa. Pembekalan makanan secara *outsource* berkenaan hendaklah melalui pembekal-pembekal yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

4. FASA SELEPAS TERJADI INSIDEN

Unit Perhubungan Awam

- 4.1 Menyediakan *press release* untuk pihak media;
- 4.2 Mengawal pihak media jika pihak media berada di tempat kejadian (sama ada sekolah, klinik atau hospital)
- 4.3 Memberikan nasihat kepada Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan mengenai tatacara bagi menghadapi pihak media.



Pihak Sekolah

- 4.4 Bagi pelajar yang tahap keracunan sakitnya adalah rendah, pihak sekolah perlu memantau perkembangan kesihatannya;
- 4.5 Memantau keadaan mangsa yang ditempatkan di hospital;
- 4.6 Memastikan mangsa yang mendapat rawatan di hospital adalah sihat dan *fit* untuk ke sekolah;
- 4.7 Menyediakan laporan untuk dihadapkan kepada Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah, dan;
- 4.8 Pengarah Sekolah-Sekolah seterusnya akan memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

- 4.9 Memantau keadaan mangsa sama ada yang sihat dan *fit* untuk ke sekolah atau yang ditempatkan di rumah sakit;
- 4.10 Hasil daripada lawatan semasa kejadian, Bahagian HSSE dan Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama akan menyediakan laporan secara berasingan untuk dihadapkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan;
- 4.11 Mendapatkan laporan saintifik daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan/Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan pihak-pihak berkepentingan yang lain;
- 4.12 Mengadakan rundingan bersama pihak atasan dan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Pejabat Daerah dan Lembaga Bandaran) yang lain bagi tindakan selanjutnya;
- 4.13 Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama melaksanakan penilaian risiko bagi perkara-perkara berikut:
 - i) Keselamatan makanan dan minuman adalah terjamin untuk dibekalkan ke sekolah, dan;
 - ii) Kebersihan premis kantin/dapur dan keselamatan makanan dan minumannya adalah terjamin bagi mempertimbangkan penyambungan semula perkhidmatannya;
- 4.14 Laporan penilaian risiko akan dihadapkan kepada pihak atasan untuk mendapatkan ketetapan dan nasihat mengenainya;


- 4.15 Mendapatkan kebenaran bagi pembukaan semula premis kantin / dapur daripada Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan dan Lembaga Bandaran / Pejabat Daerah secara bertulis setelah pembaikan-pembaikan dilaksanakan.

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet

- 4.16 Melaksanakan pembaikan di dalam infrastruktur dapur / kantin seperti saranan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan, dan;
- 4.17 Melaksanakan *pest control* jika terdapat kesan-kesan haiwan perosak di dalam premis dapur bagi perkhidmatan asrama.



FASA JIKA TERJADI INSIDEN : TATACARA MENANGANI INSIDEN KERACUNAN MAKANAN



PENGHARGAAN

Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet
Kementerian Pendidikan

Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan

Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar
Kementerian Pendidikan





